


TERHAD



i-MODUL KEMECERLANGAN SPM SMKA DAN SABK 2023

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2023 (SET 2)

PRINSIP PERAKAUNAN

3756/2

KERTAS 2

Okt./Nov.

2023

2 $\frac{1}{2}$ jam

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas ini mengandungi dua bahagian, Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawab semua soalan di Bahagian A dan dua soalan daripada Bahagian B.*
3. *Tulis jawapan anda pada kertas Lejar, Jurnal dan helaian tambahan yang disediakan dalam kertas peperiksaan ini. Sekiranya tidak mencukupi, anda boleh mendapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian, tulis jawapan yang baharu.*
5. **Tunjukkan kerja mengira.** *Ini membantu anda mendapatkan markah.*
6. *Mulakan jawapan bagi setiap soalan pada helian yang baharu.*
7. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*
8. *Ceraikan kertas jawapan, Lejar, Jurnal dan helaian tambahan daripada kertas peperiksaan ini. Ikat bersama dan serahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*
9. *Anda diingatkan untuk menulis Nombor Kad Pengenalan dan Angka Giliran di setiap kertas Lejar, Jurnal dan helaian tambahan yang digunakan untuk menulis jawapan.*

Bahagian A**[60 markah]***Jawab semua soalan.*

- 1 (a) Puan Sally merekod bayaran sewa rumah kediamannya ke dalam Akaun Sewa. Nyatakan andaian perakaunan yang **tidak** dipatuhi. [1 markah]

- (b) Nyatakan akaun yang perlu didebit dan dikredit bagi urus niaga di bawah.

Pemilik telah mengambil tunai sebanyak RM600 untuk didermakan kepada tabung mangsa banjir.

[1 markah]

- (c) Maklumat berikut diambil daripada Buku Tunai Runcit Kedai Ramli pada bulan Oktober.

	RM
Penerimaan	200
Pembayaran	X
Baki Akhir	22

Berapakah bayaran balik yang akan diterima daripada juruwang pada awal bulan November mengikut Sistem Panjar? [1 markah]

- (d) Kesilapan berikut berlaku dalam buku Perniagaan Mawar.

Gaji RM2 000 yang dibayar adalah termasuk kadar bayaran RM300.

- (i) Nyatakan jenis kesilapan yang berlaku. [1 markah]
 (ii) Tunjukkan catatan pembetulan kesilapan dalam Jurnal Am. [2 markah]
- (e) Maklumat berikut diperoleh daripada Kedai Buku Salak Jaya.

Tokokan	25%
Nisbah Semasa	3 : 1

Apakah tafsiran bagi setiap analisis nisbah perniagaan tersebut? [2 markah]

- (f) Kilang Biskut Zaim menjual sebotol kuih bangkit dengan harga RM12. Kos berubah untuk sebotol kuih bangkit ialah RM3 dan kos tetap ialah RM27 000. Hitung bilangan botol kuih bangkit yang perlu dijual untuk mencapai Titik Pulang Modal.

[2 markah]

- 2 Maklumat berikut diperolehi daripada buku Kelab Rakan Muda, Bandar Jasin Bestari, Melaka. Kelab tersebut juga menganjurkan kelas dan pertandingan melukis untuk menambah dana.

Akaun Penerimaan dan Pembayaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 (Ringkasan)

	RM		RM
Yuran masuk	4 000	Upah guru seni lukis	3 100
Yuran ahli	12 120	Promosi	2 210
Kutipan pertandingan melukis	11 200	Gaji pekerja	5 000
Derma untuk pembinaan surau	9 000	Belanja am	300
		Alatan sukan	2 450
		Kadar bayaran	352
		Belanja pertandingan melukis	4 210
		Insurans	1 350
		Derma	200

Maklumat tambahan:

- (i) Aset dan liabiliti:

	1 Januari 2022	31 Disember 2022
	RM	RM
Perabot (kos)	7 000	7 000
Alatan sukan	26 000	25 800
Bangunan kelab (kos)	70 000	70 000
Yuran belum terima	460	-
Yuran belum terperolehi	-	720
Belanja am belum bayar	-	170
Insurans prabayar	240	135
Kadar bayaran belum bayar	250	-
Bank	450	?

- (ii) Derma RM9 000 hendaklah dianggap sebagai pendapatan modal.
- (iii) 10% daripada gaji pekerja adalah upah guru seni lukis.
- (iv) 1/4 daripada yuran belum terima tidak dapat dikutip.
- (v) Perabot dibeli pada 1 Januari 2022 dan disusutnilaikan 10% setahun menggunakan kaedah garis lurus.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Penerimaan dan Pembayaran. [2 markah]
- (b) Akaun Yuran. [4 markah]
- (c) Penyata Untung Rugi Pertandingan Melukis bagi tahun berakhir 31 Disember 2022. [3 markah]
- (d) Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022. [12 markah]
- (e) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2022 (Dana Terkumpul sahaja). [4 markah]

- 3 Faz Enterprise seorang peniaga milikan tunggal yang menjalankan perniagaan di Bandar Marang, Terengganu. Perniagaan ini merekod urus niaga perniagaannya tidak mengikut sistem catatan bergu.

Berikut adalah ringkasan penerimaan dan pembayaran bagi tahun berakhir 31 Mac 2023.

Penerimaan	Tunai RM	Bank RM
Akaun Belum Terima		22 550
Komisen diterima	450	3 000
Jualan	3 000	30 800
	<u>3 450</u>	<u>56 350</u>

Pembayaran	Tunai RM	Bank RM
Belian	1 000	28 660
Ambilan	200	
Sewa		6 400
Kadar bayaran	420	
Perabot		2 000
Alat tulis	80	
Akaun Belum Bayar		15 700
	<u>1 700</u>	<u>52 760</u>

Maklumat tambahan:

1. Anda telah mengenal pasti maklumat berikut:

	1 April 2022 RM	31 Mac 2023 RM
Inventori barang niaga	15 860	14 500
Inventori alat tulis	80	60
Premis (kos)	100 000	100 000
Perabot (kos)	3 400	4 900
Alatan pejabat (kos)	5 000	?
Sewa prabayar	100	-
Komisen belum terima	-	150
Akaun Belum Terima	3 550	5 400
Akaun Belum Bayar	2 650	3 200
Bank	1 000	4 590
Tunai	450	2 200

2. Peruntukan hutang ragu adalah 5% atas Akaun Belum Terima.
3. Alatan pejabat telah dibeli pada 1 Oktober 2021 dengan kos RM5 000. Perniagaan memperuntukkan susut nilai 20% setahun mengikut kaedah baki berkurangan. Tiada pelarasan susut nilai dibuat sejak tarikh pembelian aset tersebut.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Penyata Modal Awal pada 1 April 2022. [3 markah]
- (b) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Mac 2023. [13 markah]
- (c) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Mac 2023. [9 markah]

Bahagian B

[40 markah]

Jawab mana-mana dua soalan daripada bahagian ini.

- 4 Kilang Perkasa yang mengeluarkan telefon bimbit terletak di Kawasan Perindustrian Ayer Keroh, Melaka. Maklumat berikut diperolehi pada 30 Jun 2023.

	RM	RM
Inventori pada 1 Julai 2022:		
Bahan langsung		52 840
Kerja dalam proses:		
Bahan langsung	17 660	
Buruh langsung	9 750	
Overhed	8 940	36 350
Alat-alat kecil	<u> </u>	2 180
Barang siap		73 740
Jualan		894 210
Belian bahan langsung		83 970
Belian barang siap		36 320
Belian alat-alat kecil		22 990
Pulangan belian barang siap		6 020
Kadar bayaran		33 600
Angkutan keluar		8 640
Belanja pemasaran		17 200
Buruh tak langsung kilang		138 600
Gaji jurutera reka bentuk		60 000
Gaji jurujual		33 600
Operator pengeluaran		240 000
Komisen diterima		9 640
Alatan pejabat		38 840
Mesin		101 620
Susut nilai terkumpul alatan pejabat		1 942
Susut nilai terkumpul mesin		45 720
Premis		480 000

Maklumat tambahan:

(a) Inventori pada 30 Jun 2023:

	RM	RM
Bahan langsung		48 620
Kerja dalam proses:		
Bahan langsung	15 240	
Buruh langsung	8 390	
Overhed	6 870	30 500
Alat-alat kecil		3 220
Barang siap		84 250

(b) Hak cipta RM14 400 masih belum direkodkan.

(c) Sepanjang pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di rumah, permintaan terhadap telefon bimbit telah bertambah. Pihak pengurusan membuat keputusan untuk mengambil 10 orang pekerja sambilan.

Bilangan hari bekerja	Jam bekerja	Kadar sejam
40	8	RM5

(d) Kadar peruntukan susut nilai adalah seperti berikut:

Aset Bukan Semasa	Kaedah	Kadar setahun
Alatan pejabat	Ansuran tetap	5%
Mesin	Baki berkurangan	15%

(e) Kadar bayaran diagihkan 80% ke atas kilang.

Anda dikehendaki menyediakan:

(a) Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 30 Jun 2023.

[13 markah]

(b) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2023.

[7 markah]

5 (a) Maklumat berikut merupakan baki-baki akaun Perniagaan Nabul pada 30 April 2023.

	RM
Belian	12 200
Jualan	40 000
Sewa diterima	1 500
Kadar bayaran	670
Tunai	1 230
Bank	3 780
Gaji	3 600
Insurans	210

Anggaran penerimaan dan pembayaran bagi perniagaan adalah seperti berikut:

- (i) Jualan bagi bulan Mei dan Jun dijangka meningkat 10% daripada bulan sebelumnya. Manakala, bagi bulan Julai tidak berubah.
- (ii) Sewa diterima akan meningkat 10% bermula bulan Mei.
- (iii) Belian bagi bulan Mei sama seperti bulan April. Anggaran belian bagi bulan Jun dan Julai dijangka meningkat 20% daripada bulan Mei.
- (iv) 40% daripada belian dibuat secara tunai, manakala 60% diberi dua bulan kredit.
- (v) Insurans, gaji dan kadar bayaran adalah sama untuk setiap bulan.

Anda dikehendaki menyediakan Penyata Belanjawan Tunai bagi tiga bulan berakhir 31 Julai 2023.

[11 markah]

5 (b) Encik Ramli memulakan Perniagaan Kesuma pada 1 Julai 2023 dengan modal seperti berikut:

	RM
Perabot	3 000
Kenderaan	37 000
Tunai di bank	12 000
Modal	52 000

Urus niaga berikut berlaku sepanjang bulan Julai 2023.

- (i) Membeli barang niaga secara kredit daripada Dolly Enterprise RM4 000.
- (ii) Membayar sewa kedai RM800 menggunakan cek peribadi.
- (iii) Menjual 25% daripada inventori barang niaga secara kredit pada harga RM1 900 kepada MK Trading.
- (iv) Membayar sebahagian hutang kepada Dolly Enterprise dengan cek RM2 000.
- (v) Encik Ramli mengambil inventori bernilai RM400 untuk kegunaan sendiri.
- (vi) Menjelaskan hutang Dolly Enterprise dan menerima diskaun RM200.

Anda dikehendaki melengkapkan jadual di **Lampiran A** dengan menunjukkan kesan urus niaga tersebut dengan lengkap. [9 markah]

- 6 (a) Fatin dan Liana adalah pekongsi Perkongsian Atin Ana yang mengusahakan taman asuhan kanak-kanak di Bukit Katil Melaka sejak lapan tahun lalu. Untung dan rugi perniagaan dibahagi sama rata.

Pada 1 Ogos 2023, Fatin dan Liana bersetuju membubarkan perkongsian mereka dengan kedudukan kewangan berikut:

	RM
Akaun Modal Fatin	10 000
Akaun Modal Liana	15 000
Akaun Semasa Fatin	5 000
Akaun Semasa Liana	(6 000)
Pinjaman	20 000
Lain-lain Akaun Belum Bayar	2 800
Lengkapan	28 000
Bank	9 850
Simpanan tetap	6 000
Yuran taska belum terima	2 950

Perkara berikut berlaku semasa pembubaran.

- (i) Lengkapan diambil alih oleh Fatin RM20 000.
- (ii) Yuran taska belum terima direalis RM1 000.
- (iii) Simpanan tetap telah dikreditkan terus ke akaun bank. Perkongsian menerima faedah atas simpanan tetap 4% setahun. Simpanan tetap pertama perkongsian telah dibuat pada 1 Ogos 2018.
- (iv) Belanja realisasi ditanggung oleh Fatin RM800.
- (v) Lain-lain Akaun Belum Bayar bersetuju memberi diskaun sebanyak RM280 sebagai penjelasan semua hutang.
- (vi) Pinjaman RM10 000 dibayar oleh Fatin dan selebihnya oleh perkongsian.
- (vii) Satu pesanan ringkas "Whatsapp" diterima oleh Liana menuntut sewa premis taska berjumlah RM4 000 yang masih belum dijelaskan. Liana mengambil tanggungjawab menjelaskan sewa premis tersebut.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Realisasi [8 markah]
- (b) Catatan Jurnal Am untuk merekod (vi) dan (vii).
(Abaikan keterangan) [5 markah]

6 (b) Maklumat berikut diperoleh daripada buku perakaunan Cerdas Gas Berhad.

Cerdas Gas Berhad

Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Julai 2022

<u>Ekuiti Pemilik</u>	RM
Modal diterbitkan dan berbayar penuh	
1 000 000 unit 6% Syer Keutamaan	2 000 000
2 000 000 unit Syer Biasa	2 000 000
	4 000 000

Pada 1 Januari 2023, syarikat menerbitkan lagi 500 000 unit 5% Syer Keutamaan pada harga RM1.00 sesyer dan 800 000 unit Syer Biasa pada harga RM0.50 sesyer. Semua syer telah dilanggan dan dibayar penuh pada 31 Januari 2023.

Bagi tahun berakhir 31 Julai 2023, Lembaga Pengarah Cerdas Gas Berhad mengisytiharkan dividen akhir kepada pemegang Syer Keutamaan dan 4 sen bagi setiap unit Syer Biasa.

Anda dikehendaki:

- (i) Menghitung modal diterbitkan dan berbayar penuh bagi terbitan syer pada 1 Januari 2023. [2 markah]
- (ii) Menghitung dividen akhir bagi:
- (a) Syer Keutamaan [3 markah]
- (b) Syer Biasa [2 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT